

Latihan Pemahaman

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soal-soalan yang berikutnya.(2.4)

Encik Lim ialah jiran kami. Kami berjiran sejak lima tahun lalu. Encik Lim ada empat orang anak. Saya dan anak-anak Encik Lim berkawan baik.

Pada masa lapang, saya suka bermain piano di rumah Encik Lim bersama-sama anaknya. Puan Lim pula akan menyediakan kuih donat untuk kami. Bapa dan Encik Lim pula berbual-bual di luar rumah.

Kami berasa gembira kerana mempunyai jiran yang baik seperti Encik Lim sekeluarga.

- Siapakah Encik Lim?
A Jiran "saya" **B** Guru "saya"
- "Saya" dan Encik Lim berjiran sejak bila?
A Tiga tahun lalu **B** Lima tahun lalu
- "Saya" dan anak-anak Encik Lim suka bermain apa?
A Basikal **B** Piano
- Di manakah bapa "saya" dan Encik Lim berbual-bual?
A Di halaman rumah
B Di dalam rumah
- Siapakah menyediakan kuih donat untuk mereka?
A Emak Encik Lim
B Isteri Encik Lim

Baca maklumat. Kemudian isi tempat kosong.

Susu Coklat Rasasayang

Bahan kandungan:

Susu tanpa lemak, gula, serbuk koko, vitamin,
bahan perisa yang dibenarkan

Jumlah kandungan: 1 Liter

Guna sebelum:

12 Disember 2020

Harga: RM 5.00

Syarikat Pengeluar:


Marirasa Sendirian Berhad,
10, Jalan Mulia,
46300 Petaling Jaya,
Selangor.



1. Nama susu coklat tersebut ialah _____.
2. Susu coklat itu baik digunakan sebelum _____.
3. Jumlah kandungan susu coklat itu ialah _____.
4. Susu coklat itu dikeluarkan oleh _____.
5. Harga susu coklat itu ialah _____.


Hari: _____ Tarikh: _____
 Salin semula ayat berdasarkan gambar.


Ibu buka laci.
Ali ada bola.
Mira bawa raga.
Aki beli sate.
Bayi suka susu.











Baca petikan dan jawab soalan pemahaman berikut.



Ini Aman. Dia sedang main bola. Aman suka main bola.

Dia main bola dengan kawannya. Aman main bola pada waktu petang.

Kawan-kawan Aman bermain bersamanya. Setiap petang Aman dan

Kawan-kawannya akan bermain bola. Mereka habis bermain bola pada pukul 6.00 petang.

36. **Siapakah yang bermain bola ?**

A : Aman

B: Abang

C: Adik

37. **Aman suka bermain**

A : hoki

B: bola

C: tenis

38. **Aiman akan bermain bersama.**

A : adik-adik

B: kawan-kawan

C: abang-abang

39. **Bilakah waktu Aiman bermain bola ?**

A : petang

B: subuh

C: pagi

40. **Aiman habis bermain bola pada pukul**

A : enam petang

B: enam pagi

C: enam tengah hari